

Sekuriti-sekuriti Yang diluluskan Syariah

Kriteria dan Pendekatan

Pembentang: SS Dato'Hj Hashim Hj Yahya

(Kertas Kerja ini Dibentangkan Pada 25hb Ogos 2002 sempena Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Kali ke-4 di Hotel Renaissance, Kota Bahru, Kelantan)

1.0 Pendahuluan

Sejak bulan Ogos 1995 Suruhanjaya sekuriti (SC) dengan Kerjasama Kumpulan Penyelidikan Instruman Islam (KPII) telah berusaha membuat penyelidikan bagi memulakan penganalisaan terhadap sekuriti-sekuriti yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Hasil daripada penyelidikan tersebut terbentuklah kriteria-kriteria yang dijadikan sebagai panduan asas untuk menilai sekuriti-sekuriti tersenarai. Sehingga kemudiannya KPII dinaik tarafkan kepada majlis Penasihat Syariah atau MPS, SC dapat mengumumkan senarai sekuriti yang diluluskan berdasarkan prinsip Syariah pada bulan Jun 1997. Pada masa itu jumlah sekuriti terbabit hanyalah sebanyak 371 buah atau kira-kira 57% sahaja dari jumlah keseluruhan sekuriti tersenarai. Namun pada kajian terbaru sehingga setakat Mei 1999 sebanyak 541 buah sekuriti atau mewakili 73% sekuriti di dapati lulus menurut prinsip Syariah.

Pihak KPII dan MPS mengambil masa hampir setahun untuk membentuk kriteria yang wajar mengenai sekuriti yang diluluskan mengikut prinsip Syariah. Kajian dilakukan dari pelbagai sudut termasuk mempertimbangkan pandangan-pandangan dari dalam dan luar negeri sebelum senarai awal sekuriti yang diluluskan mengikut prinsip Syariah dapat diumumkan. Walaupun begitu kriteria ini masih terus dikemaskinikan dari semasa ke semasa berdasarkan pengalaman penyelidikan dan kajian-kajian kes terhadap keseluruhan sekuriti yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan Malaysia Exchange of Securities Dealing & Automated Quotation Bhd (MESDAQ) atau Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Bhd. Ini bagi memastikan sekuriti-sekuriti yang lulus prinsip Syariah telah melalui piawaian yang wajar selaras dengan keperluan pembangunan dan kemajuan pasaran modal Islam di negara ini.

Kertas ini akan mengemukakan apakah kriteria-kriteria tersebut dan bagaimanakah pendekatan dilakukan di dalam pembentukan dan penganalisaan sekuriti tersenarai.

2.0 Kriteria-kriteria Syariah

Di dalam membentuk criteria tersebut tumpuan diberikan kepada aktiviti-aktiviti utama syarikat dari sudut barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan. Ini kerana aktiviti utama tersebut mendatangkan pulangan kepada syarikat dan seterusnya dibahagikan kepada para pemegang saham dalam bentuk keuntungan dan dividen. Aktiviti-aktiviti tersebut perlu dikenal pasti sama ada ianya bertentangan dengan kehendak Syarak atau tidak. Sekiranya ianya bertentangan maka sekuriti syarikat tersebut dianggap terkeluar dari senarai lulus prinsip Syari'ah. Manakala jika sebaliknya maka ia dianggap sekuriti yang diluluskan mengikut prinsip Syari'ah.

Selain dari itu kajian juga ditumpukan kepada aktiviti sampingan syarikat. Aktiviti-aktiviti ini bukan merupakan aktiviti utama. Sekiranya aktiviti sampingan ini terdapat percampuran halal dan haram pihak MPS meletakkan suatu criteria tambahan dan meletakkan suatu tanda aras untuk menentukan sama ada sekuriti-sekuriti tersebut terkeluar atau dimasukkan di dalam sekuriti yang diluluskan mengikut prinsip Syariah. Kertas ini akan memberi penjelasan lanjut tentang perkara-perkara yang digariskan.

3.0 Kriteria aktiviti utama

Setelah penyelidikan sekian lama dan perbincangan dengan berbagai pihak dalam dan luar negeri MPS mendapati criteria-kriteria berikut dapat digariskan di dalam menilai sesuatu sekuriti itu sebagai diluluskan mengikut prinsip Syari'ah atau sebaliknya. Dengan menggunakan criteria tersebut kita dapat mengasingkan sekuriti-sekuriti yang bersih menurut pandangan Syarak berbanding dari keseluruhan sekuriti yang tersenarai di BSKL.

Pada amnya kriteria-kriteria berkenaan dirangka setelah merujuk kepada al-Quran, al-Hadith dan sumber-sumber perundangan islam yang lain serta prinsip-prinsip am syarak. Kriteria ini dirumus mengikut aktiviti-aktiviti syarikat yang bersangkutan di negara ini.

Sesuatu sekuriti syarikat itu boleh terkeluar apabila melibatkan criteria berikut:-

3.1 Kriteria Pertama

Aktiviti utama syarikat berteraskan riba (faedah) sebagaimana yang dijalankan oleh institusi kewangan konvensional termasuk bank perdagangan dan bank saudagar, syarikat kewangan dan lain-lain;

Asas kepada kriteria ini adalah berdasarkan kepada larangan riba sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran.

3.1.1 Jenis riba

Secara amnya riba dapat dibahagikan kepada dua kumpulan:

- i. *Riba al-Qurudh* (ربا القروض) – riba yang berlaku melalui hutang/pinjaman
- ii. *Riba al-Buyu'* (ربا البوع) – riba yang berlaku melalui jual beli.

3.1.2 Fokus perbincangan

Perbincangan akan ditumpukan kepada jenis kumpulan pertama riba al-qurudh kerana ia amat berkaitan dengan kriteria yang akan dibincangkan.

3.1.3. Konsep *riba al-qurudh*

Menurut *al-Jassas*¹⁵ riba yang menjadi kebiasaan diamalkan oleh masyarakat Arab Jahiliyah terdapat beberapa bentuk. Semasa turunnya ayat mengharamkan riba amalan tersebut sedang berjalan. Ia merupakan *Riba al-qurudh* kerana melibatkan amalan peminjaman wang dan mengenakan bunga. Antara bentuk-bentuk riba yang diamalkan semasa jahiliyah adalah seperti berikut:

- i. seorang yang berhutang/meminjam wang sekian dirham dan sekian dinar secara persetujuan bersama secara bertempoh dengan menentukan jumlah bayaran lebih yang mesti dibayar ke atas jumlah pokok hutang/pinjaman.
- ii. Seorang yang memberi hutang/pinjaman wang kepada seseorang secara bertempoh dan mengambil bunganya setiap bulan. Hutang/pinjaman pokok kekal sehingga tempoh tamat. Apabila sampai ke tarikh tamat tempoh, sekiranya pihak yang berhutang gagal membayar kembali hutang pokok, tempoh membayar pokok akan

¹⁵ Al-Jassas, Ahkam al-Quran, J2, h.183-189

diperpanjangkan lagi ke suatu masa. Pemberi hutang akan meneruskan pengambilan bunganya sahaja sehingga sampai tamat ke tempoh baharu tersebut. Dengan kata lain riba jenis ini lebih menepati maksud sewa matawang. Pemberi wang menyewakan wang pokoknya untuk mengambil sewa setiap bulan sehingga ke satu tempoh.

3.1.3 Dalil al-Quran yang mengharamkan *riba al-Qurudh*

Allah SWT mengharamkan riba secara berperingkat, sehinggalah akhirnya mengharamkan secara putus aktiviti tersebut. Ini dijelaskan di dalam ayat berikut:

ياايهاالذين امنوا اتقوا الله واذروا ما بقي من الربا ان كنتم مؤمنين فان لم تفعلوا فادنوا بحرب من الله ورسوله وان تبتم فلکم رؤوس
اموالکم لا تظلمون ولا تظلمون

Bermaksud: ‘Wahai orang-orang yang beriman bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah saki baki riba (yang belum diambil lagi), sekiranya kamu beriman. Jika kamu tidak berbuat demikian maka ketahuilah, bahawa Allah dan RasulNya akan memerangimu, dan jika kamu bertaubat (dari pengambilan riba), maka bagi kamu modal pokok wang kamu, dan kamu tidak menganiayainya dan tidak pula dianiayai.’ Al-Baqarah ayat 278.

Ayat tersebut dengan jelas melarang aktiviti riba di dalam kegiatan ekonomi. Umat Islam khususnya mestilah berusaha memperbaiki keadaan supaya kegiatan ekonomi mereka bersih dari amalan riba. Walaupun Allah mengharamkan riba bukan bermakna kegiatan ekonomi tertutup. Ini kerana kegiatan ekonomi menjadi nadi di dalam kehidupan manusia. Oleh itu Allah memberikan alternatif kepada sistem riba iaitu sistem jual beli sebab itu dalam ayat yang lain dinyatakan:

الذين ياكل الربا لا يقومون الا كما يقوم الذي يتخبطه الشيطان من المس ذلك بانهم قالوا انما البيع مثل الربا
واحل الله البيع وحرم الربا

Bermaksud: “Orang-orang yang makan (mengambil riba) tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kerasukan syaitan, keadaan mereka demikian adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual beli sama dengan riba, pada hal Allah telah menghalalkan jual beli dan meggharamkan riba...” al-Baqarah ayat 275.

3.1.4 *Riba al-qurudh* dan institusi semasa

Melihat kepada bentuk *riba al-qurudh* yang berjalan semasa zaman jahiliyah dan dengan bentuk demikian Allah SWT mengharamkannya, didapati bentuk yang sama dijalankan oleh bank-bank komersil, bank perdagangan, dan syarikat kewangan konvensional. Ini kerana pihak bank atau institusi yang berkaitan menjalankan aktiviti memberi hutang/pinjaman wang dan mengambil bunga/interest daripada hutang/pinjaman wang tersebut. Oleh itu kriteria pertama menggariskan perkara-perkara yang berkaitan aktiviti riba.

3.2 Kriteria kedua

Sekuriti syarikat yang aktiviti utamanya menjalankan kegiatan judi seperti syarikat yang menjalankan kasino, sport toto, nombor ekor dan yang seumpamanya.

3.2.1 Maksud judi

Judi atau disebut sebagai *al-maysir/al-qimar* bermaksud apa jua aktiviti yang melibatkan pertaruhan, di mana pihak yang akan menang akan mengambil semua pertaruhan dan pihak yang kalah akan kehilangan pertaruhannya¹⁶. Di dalam al-Quran dinyatakan pengharamannya dengan memerintahkan manusia yang beriman meninggalkan amalan judi. Firman Allah SWT:

ياايها الذين امنوا انما الخمر والميسر والانصاب والازلام رجس من عمل الشيطان فاجتنبوه لعلكم تفلحون

Bermaksud: *“Wahai orang-orang beriman, sesungguhnya meminum arak (khamar), berjudi, berkorban untuk berhala, menilik nasib, adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan tersebut agar kamu mendapat keberuntungan.”*

Al-Maidah: 90

Oleh kerana judi adalah perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT, maka umat Islam dilarang melibatkan diri dengan memberi sumbangan untuk mengembangkan syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan berasaskan judi. Dengan sebab itu sekuriti syarikat yang operasinya mengenai judi terkeluar dari sekuriti yang diluluskan mengikut prinsip Syariah.

3.3 Kriteria ketiga

¹⁶ Abu Jaib, al-Qamus al-fighiy, h.309

Aktiviti utama syarikat mengeluarkan dan menjual barangan dan perkhidmatan yang diharamkan dalam Islam. Syarikat tersebut merangkumi syarikat yang memproses, mengeluarkan dan memasarkan minuman keras, daging yang tidak halal seperti daging babi dan sebagainya. Begitu juga syarikat yang memberi perkhidmatan tidak bermoral seperti pelacuran, pub, disko dan seumpamanya.

Asas kriteria ini ialah:-

3.3.1 Islam menggesa manusia seluruhnya memakan makanan yang halal dan baik.

Gesaan tersebut dapat dilihat berdasarkan firman Allah SWT di dalam ayat:

ياايها الناس كلوا مما فى الارض حلالا طيبا ولا تتبعوا خطوات الشيطان انه لكم عدو مبين

Bermaksud: “*Wahai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu*”. Al-Baqarah: 168

Dalam ayat yang lain disebutkan secara terperinci perkara yang diharamkan seperti berikut:

حرمت عليكم الميتة والدم ولحم الخنزير وما اهل لغير الله به والمنخنقة والموقوذة والمتردية والنطيحة وما اكل السبع الا ما ذكيتم وما ذبح على النصب.....

Bermaksud: “*Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, daging haiwan yang disembelih atas nama selain Allah, yang mati tercekik, yang mati dipukul, yang mati terjatuh, yang mati ditanduk, dan yang mati diterkam binatang buas, kecuali yang sempat kamu menyembelihnya (sebelum binatang itu mati) dan diharamkan juga bagimu memakan binatang yang disembelih untuk berhala...*” al-Maidah:3

Dalam satu hadith diriwayatkan:

Bermaksud: “*Nabi Muhammad SAW melaknat sepuluh perkara tentang arak; pemerah anggur untuk dijadikan arak, pembeli air perahan anggur untuk dijadikan arak, peminumnya, pembawa arak, yang membawa hidangan arak, yang menuangkan arak ke dalam gelas untuk peminum,*

penjual arak dan yang memakan hasil jualan arak, pembelinya dan orang yang membelikan arak kepada peminumnya”. Hadis diriwayatkan oleh al-Tarmizi dan Ibn Majah.

Dalam hal zina Islam melarang umatnya mendekati perbuatan terkutuk itu, sehingga pelakunya layak menerima hukuman yang amat berat sekiranya sabit kesalahan. Allah berfirman:

ولا تقربوا الزنى انه كان فاحشة وساء سبيلا

Bermaksud: *“Dan janganlah kamu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji, dan suatu jalan yang buruk”*. Al-Isra’:32.

Ayat al-Quran dan hadith di atas mengharamkan beberapa perkara seperti daging babi, bangkai, penyediaan dan meminum arak serta perbuatan zina. Oleh itu sekuriti syarikat yang aktiviti utamanya terbabit dengan perkara-perkara tersebut adalah terkeluar dari senarai sekuriti yang diluluskan mengikut prinsip Syariah. Begitu juga syarikat yang menjalankan aktiviti tidak bermoral menjual minuman keras, pub, disko, pelacuran dan sebagainya kerana aktiviti tersebut menggalakkan wujudnya maksiat kepada Allah.

3.4 Kriteria Keempat

Aktiviti utama syarikat bersifat gharar, ia merujuk kepada syarikat insuran konvensional.

Asasnya adalah berdasarkan hadith rasulullah SAW:

ان النبي عليه الصلاة والسلام قد نهى عن بيع الغرر - رواه مسلم

Bermaksud: *Sesungguhnya Nabi SAW menegah jual beli gharar.*

Gharar adalah suatu yang tidak jelas dan samar. Maksud fuqaha’ tentang gharar ialah mengadakan kontrak tentang perkara yang samar dan tidak pasti. Dalam kes insuran pembeli membeli sesuatu yang tidak pasti kerana hasilnya diperolehi apabila berlaku kemalangan dan bencana yang menimpa pembeli. Ini suatu yang tidak pasti (gharar) kerana kemalangan dan

bencana adalah suatu yang mungkin berlaku atau sebaliknya. Oleh itu perkara yang dibeli oleh pembeli adalah tidak pasti.¹⁷

4.0 Kriteria syarikat bercampur

Syarikat bercampur bermaksud: aktiviti utama syarikat adalah terdiri dari aktiviti yang dibenarkan syarak, namun terdapat juga aktiviti sampingan haram yang kecil.

Bagi syarikat bercampur, MPS mempertimbangkannya dari beberapa sudut tambahan sebelum memasukkannya ke dalam sekuriti yang diluluskan mengikut prinsip Syariah iaitu:-

4.1 aktiviti utama syarikat mestilah bukan aktiviti yang bertentangan Syarak sebagaimana yang telah digariskan oleh empat kriteria di atas, manakala unsur haram adalah amat kecil berbanding dengan aktiviti utamanya;

4.2 pandangan masyarakat umum tentang imej syarikat berkenaan mestilah baik; dan

4.3 aktiviti utama syarikat mempunyai kepentingan dan *maslahah* (kebaikan secara umum) kepada umat Islam dan negara manakala unsur *haram* yang amat kecil melibatkan perkara *umum balwa* (kerumitan meluas yang sukar dielakkan), *uruf* (amalan kebiasaan) dan hak-hak masyarakat bukan Islam yang diperakui oleh Islam.

Syarikat-syarikat tersenarai dewasa ini cepat berkembang dengan mempelbagaikan aktiviti pengeluaran dan perkhidmatan. Aktiviti yang mereka jalankan terdapat yang bersifat bercampur dengan aktiviti yang diharamkan namun jika dibandingkan dengan aktiviti utama yang lain perkara yang haram adalah kecil. MPS membahaskan panjang lebar samada wajar atau tidak syarikat sedemikian dimasukkan di dalam senarai lulus prinsip Syariah.

Perbincangan selanjutnya ialah kewajaran syarikat seperti ini dimasukkan dan apakah tanda aras (benchmark) yang digunakan bagi membuat ukuran bersifat kualitatif dan kuantitatif sebelum sesuatu syarikat itu dimasukkan di dalam senarai lulus prinsip Syariah.

5.0 Asas-asas penilaian syarikat bercampur

¹⁷ Az-Zuhaily, al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuh, J4, h. 441-445

Sebelum ini sekuriti syarikat yang bercampur terkeluar dari sekuriti yang diluluskan mengikut prinsip Syariah. Keputusan mengeluarkannya dibuat tanpa mengira sama ada perkara yang haram itu banyak atau sedikit. Ia juga tidak memberi pertimbangan sama ada aktiviti halal adalah aktiviti utama syarikat dan aktiviti yang melibatkan perkara haram hanya bilangan yang kecil dan sampingan sahaja. Keputusan juga tidak melihat dari sudut *masalah* penglibatan umat Islam dalam bidang ekonomi, bagi memperkukuh tahap pencapaian ekonomi dan kepakaran mereka. Kedudukan syarikat yang strategik bagi negara dan ekonomi umat juga tidak dilihat sebagai suatu yang penting mempengaruhi keputusan penentuan status.

Telah tiba masanya untuk melihat semula fenomena ini supaya satu pertimbangan yang lebih adil untuk umat Islam dapat diberikan. Ini kerana ‘survival’ umat tidak dapat diketepikan dalam bidang ekonomi. Keutuhan dan kekuatan ekonomi adalah amat penting. Penguasaan bidang ini adalah juga merupakan faktor penting kekuatan umat. Kerana ia melibatkan soal *hifz al-nafs* dan *hifz al-mal*¹⁸ yang merupakan dua perkara utama di dalam *al-dharuriyat al-khamsah* iaitu keperluan dharuri lima perkara umat yang tidak boleh diabaikan. Perkara ini dijelaskan panjang lebar oleh Imam Asy Syatibi di dalam kitabnya *Muwafaqat*. Kertas ini akan mengemukakan beberapa pertimbangan bagi perkara berkenaan.

Teks 3

6.0 Penglibatan Umat Islam Dalam Pembelian Ekuiti

Sistem syarikat yang ada hari ini mengizinkan pemilik saham terbesar syarikat menguasai syariahta tersebut. Umat Islam yang menguasai syarikat dapat dengan sendirinya mengubah aktiviti dan dasar syariahta jika mereka mahu. Oleh itu menjadi satu logic dengan pembelian saham terbanyak bermakna sesuatu syarikat itu dapat dikuasai oleh pemegang saham terbanyak. Hakikat ini adalah suatu perkara yang strategic dan penting difahami. Namun pada masa yang sama suatu persoalan yang mungkin timbul, ialah perpindahan penguasaan syarikat ke tangan umat Islam tidak semestinya dapat menyelesaikan masalah aktiviti syarikat yang haram. Ada kalanya syarikat bertukar tangan aktiviti haram terus berjalan. Ini bergantung kepada perihatin mereka tentang perintah agama. Ini berkaitan dengan berkurangnya wara’ dan wujudnya suasana fasaduz zaman.

¹⁸ Al-Syatibi, Al-Muwafaqat, J.2, h. 324-326

Dalam pada itu dunia umumnya, tidak terkecualai dunia Islam berada di dalam suatu kerangka system ekonomi kapitalis. System ini mencengkam perjalanan ekonomi mereka secara menyeluruh sama ada mahu atau tidak mahu. Ia merupakan system yang menjadi kepercayaan sebagai yang terbaik dalam meyelesai masalah-masalah ekonomi setakat ini. Keadaan ini suatu reality yang terpaksa diteriama dalam peringkat membangun system kewangan Islam.

Persoalan aktiviti haram dalam syarikat bukanlah suatu perkara baru. Al-Khayyat (عبد العزيز الخياط), seorang fuqahak semasa ada menyebut perkara ini tetapi secara sepintas lalu sahaja. Misalnya di dalam masalah riba, beliau menyatakan muamalah riba yang dilakukan oleh pengurusan syarikat adalah dosa yang ditanggung oleh pihak pengurusan dan ia tidak termasuk fungsi utama syarikat. Namun suatu yang tidak diragukan lagi haramnya ialah jika aktiviti utama syarikat itu adalah aktiviti haram seperti aktiviti judi, pembuatan arak dan sebagainya yang telah dijelaskan dalam criteria sebelum ini.

7.0 Persoalan syarikat Bercampur

perkara yang menjadi persoalan di sini ialah, apabila aktiviti utama sesebuah syarikat itu halal, terdapat juga di dalamnya aktiviti haram. Sebagai contoh sebuah syarikat besar dengan aktiviti utamanya dalam bidang pengeluaran barangan industri, tetapi terdapat anak syarikat yang ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti dalaman dengan memberikan pinjaman secara riba untuk aktiviti syarikat mereka.

Aktiviti haram yang lain pula ialah seperti sebuah syarikat besar dengan aktiviti utamanya dalam bidang hartanah tetapi terlibat menjalankan operasi hotelatau resort yang menjual arak. Bagaimanakah kedudukan syarikat seperti ini? Apakah aktiviti utama yang lebih besar tidak diambil kira oleh Islam untuk membenarkan umat Islam melabur di dalam syarikat mereka. Sedangkan aktiviti halal tersebut memberi faedah lebih besar kepada orang ramai berbanding aktiviti haram dengan yang lebih kecil. Bentuk aktiviti haram dalam kes pertama lebih kepada untuk membiayai modal syarikat bagi pembelian mesin, peralatan dan sebagainya. Manakala bentuk perkara haram bagi syarikat kedua lebih kepada memberi kemudahan kepada mereka yang bukan Islam dan merupakan hak-hak mereka yang diiktiraf oleh Islam. Berasaskan fenomena ini MPS membuat kajian mendalam bagi menentukan status yang wajar.

8.0 Pandangan Fuqahak Muktabar

Terdapat beberapa bukti secara klasik yang hampir, berkaiat rapat dengan persoalan syarikat bercampur. Fuqkahak muktabar, telah melihat persoalan syarikat bercampur ketika menyentuh tentang kewujudan syarikat antara Muslim dan Bukan Muslim. Mereka menyentuh bagaimana tentang jika bukan Muslim menjalankan aktiviti riba dan berniaga minuman keras bagi syarikat yang dikongsi bersama itu, sedangkan riba dan minuman keras diharamkan terhadap umat Islam , namun dalam masa yang sama Islam membenarkannya kepada bukan Muslim. Malahan, Islam mengiktiraf kedua-dua perkara tersebut sebagai harta (mal) bagi bukan Muslim. Umat Islam tidak boleh merosakkan atau mencerooboh kepunyaan masyarakat bukan Muslim walaupun bagi Muslim barangan tersebut adalah haram. Oleh kerana adanya keadaan ini terdapat perbezaan pandangan di kalangan fuqaha' muktabar tentang keharusan wujud syarikat sedemikian.

Perkara seterusnya yang juga disentuh oleh fuqahak silamialah syarikat yang dikongsi bersama sesama Muslim, namun terdapat di dalamnya pihak yang melakukan aktiviti haram seperti riba. Keadaan ini berlaku kerana pihak rakan kongsi yang Muslim itu tidak begitu berakhlak mulia dan menjaga agamanya. Hal seperti ini juga menjadi perbezaan pandangan fuqahak kerana ia menyentuh soal dosa seseorang yang tidak akan berpindah kepada seseorang yang lain dan juga soal urusan muamalah pada prinsip amnya adalah bersifat harus. Maksudnya kita diharuskan melakukan muamalah samada sesame Muslim yang baik atau yang fajir, atau sesame Muslim dengan bukan Muslim atau sebaliknya.

8.1 Pandangan Fuqahak Tentang Syarikat Perkongsian Bersama Muslim Dengan Bukan Muslim

Fuqahak muktabar tidak mensyaratkan persamaan dari sudut agama untuk bersyarikat melainkan mengenai syarikat mufawadhah.

8.2 Golongan Yang Membenarkan Syarikat Perkongsian Muslim Dengan Bukan Muslim

8.2.1 Membolehkan Dengan Menghukum Makruh

Fuqahak yang manghukum makruh syarikat perkongsian Muslim dengan bukan Muslim adalah Mazhab syafie, sebahagian kalangan Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki dan Hanbali.

Di kalangan Mazhab Hanafi misalnya Abu Yusuf berpendapat bahawa harus Muslim dan bukan Muslim berkongsi bersama dalam satu syarikat namun hukumnya makruh. Hujah Abu Yusuf ialah kerana kedua-duanya layak menjadi wakil secara mutlak. Oleh itu mereka boleh menjalankan syarikat mufawadhah sebagaimana bolehnya syarikat muwafadhah diwujudkan oleh sesame Muslim dengan Muslim dan sesame bukan Muslim dengan yang bukan Muslim. Hujah tambahan yang diberikan Abu Yusuf lagi ialah kedua-dua (Muslim dan Bukan Muslim) layak untuk melakukan kerja syarikat dengan sendirinya, walaupun mereka berbeza dari segi kerja-kerja yang dilakukan, di mana Muslim tidak boleh melakukan aktiviti yang haram seperti aktiviti bersangkutan dengan riba dan berniaga minuman keras, sedangkan bagi yang bukan Muslim tiada halangan untuk berbuat demikian. Persamaan aktiviti tidaklah semestinya wujud dalam syarikat mufawadhah kerana syarikat ini boleh dilakukan antara orang Majusi dan Ahli Kitab sedangkan aktiviti kedua-dua pihak berbeza. Orang Majusi menyembah api, tempat sembah mereka dianggap harta (mal) sedangkan Ahli Kitab tidak melakukan sedemikian.

Dalam Mazhab Maliki di kalangan mereka ada yang membolehkan Muslim dan bukan Muslim bersyarikat tetapi dihukumkan dengan makruh juga. Ini jika syarikat tersebut dikendalikan oleh bukan Muslim kerana agamanya boleh dipersoalkan. Sebagaimana yang dinaqalkan oleh al-Hattab daripada Ibn Hajib tidak sepatutnya seorang Muslim yang memelihara agamanya bersyarikat dengan orang Yahudi dan Nasrani, juga dengan Muslim yang tidak baik akhlaknya (fajir) melainkan jika si Muslim yang baik itu sendiri yang melakukan kerja-kerja menjual dan membeli bagi syarikat (pengurusan syarikat di tangan orang Muslim yang baik). Sebaliknya, sekiranya syarikat tersebut diurus oleh seorang Muslim yang baik akhlaknya, hukumnya adalah harus menurut Mazhab Malik walaupun ia berupa syarikat yang dikongsi bersama Muslim dan bukan Muslim.

Dalam Mazhab Hanbali juga membenarkan Muslim dan bukan Muslim bersyarikat dengan hukum makruh. Hujah mereka ialah bukan Muslim tidak dapat dipastikan selamat dari melakukan aktiviti riba dan menjual minuman keras.

Dalam Mazhab Syafie juga menghukum makruh bersyarikat dengan bukan Muslim atau dengan orang yang tidak mengelak dari melakukan aktiviti riba dan syubhah.

8.2.2 Golongan Yang Tidak Mengharuskan Bersyarikat Muslim Dengan Bukan Muslim

Imam Hanafi dan Muhammad tidak mengharuskan bersyarikat antara Muslim dengan bukan Muslim secara mufawadhah inikerana aktiviti Muslim dan bukan Muslim tidak sama. Apa yang boleh bagi bukan Muslim malah dianggap sebagai mal seperti minuman keras dan khinzir adalah haram bagi Muslim. Olah yang demikian tiada kesamaan antara pihak yang bersyarikat.

Setelah mengetahui pandangan fuqahak muktabar tentang syarikat yang dikongsi bersama Muslim dengan bukan Muslim, dapat difaham bahawa isu syarikat yang terdapat aktiviti haram telah dibincangkan oleh para fuqahak muktabar. Ini dapat menolong kita untuk membuat penilaian terhadap aktiviti syarikat yang ada unsure halal dengan haram di Malaysia.

9.0 Rasional Mengharuskan Kemasukan Syarikat Bercampur Di Dalam Senarai Sekuriti Lulus Syariah.

9.1 Pendapat ramai fuqahak tentang syarikat bercampur, tiada salah untuk mengharuskan saham syarikat yang bercampur aktiviti halal dengan haram khasnya jika aktiviti utama syarikat berkenaan adalah halal dan besar manakala aktiviti haram adalah sampingan dan kecil. Ini kerana fuqahak muktabar tidak mengharamkan syarikat sedemikian semasa menilai status syarikat yang dikongsi Muslim dan bukan Muslim. Begitu juga bagi syarikat yang dikongsi bersama antara Muslim yan baik dan fajir, walaupun syarikat itu kelak akan terdapat daripada aktiviti yang menjalankan perkara yang haram seperti aktiviti riba dan menjual minuman keras.

9.2 Fiqh Islam menerima hakikat *gharar yasir* dan *ghibn yasir*

Gharar dan *ghibn* adalah dua unsur yang diharamkan wujud dalam muamalah. Namun sekiranya ia berlaku dalam nya yang sedikit, fiqh Islam menganggap ianya suatu yang normal, diterima dan tidak mengganggu keredhaan aqad. Perkara yang sama bagi aktiviti syarikat halal di mana terdapat yang sedikit sahaja berlaku aktiviti yang terlarang. Aktiviti yang halal lebih banyak jika dibandingkan dengan aktiviti haram.

9.3 Soal ‘*umum al-balwa*’

Dr. Yusuf al- Qardawi seorang ulama’ semasa¹⁹ ditanya oleh seorang pekerja muslim di sebuah bank konvensional yang menjalankan aktiviti riba. Pekerja tersebut musykil mengenai nasibnya

19

bekerja dibank tersebut kerana terlibat secara terus dengan pekerjaan yang dilarang iaitu urusan riba. Soalnya adakah ia patut meninggalkan kerja-kerja berkenaan sedangkan itu merupakan sumber pendapatannya selaras dengan ilmu dan kepakarannya? Atau dia terus bekerja dengan ertikata tidak menjadi kesalahan menurut Islam bekerja di bank yang terlibat dengan urusan riba.

Dr. Yusuf menfatwakan supaya ia terus kekal bekerja di bank itu. Walau bagaimanapun suatu yang tidak dapat ditolak bahawa bekerja untuk aktiviti riba adalah haram. Namun aktiviti riba sudah mencapai peringkat '*umum al-balwa*' di mana sistem riba ini telah menyerap di dalam sistem ekonomi keseluruhannya dan bukan semata-mata tugas di bank sahaja. Sistem riba juga telah menjadi sistem ekonomi yang dipakai di seluruh dunia. Oleh kerana itu bala yang menimpa adalah menyeluruh. Sebagaimana digambarkan oleh Rasulullah s.a.w:

ليأتين على الناس زمان لا يبقى منهم احد الا اكل الربا فمن لم ياكله اصابه من غباره

Bermaksud: “ Akan tiba suatu masa manusia tidak terselamat dari bencana memakan / mengambil riba sekiranya ada yang terselamat sekalipun pasti akan terkena debunya”. (Hadis Riwayat Abu Daud dan Ibn. Majah)

Hadis tersebut membayangkan suasana riba sebagai suatu sistem yang menyeluruh sehingga sukar umat Islam untuk mengelakkan diri daripadanya. Oleh itu berhenti dari bekerja di bank sekalipun tidak akan meninggalkan apa-apa kesan. Cuma apa yang boleh mengubah ialah kesedaran umat secara menyeluruh untuk menukar sistem ekonomi itu sendiri. Jadi persoalannya ialah persoalan mengubah sistem dan bukan berhenti dari bekerja di bank. Malah lebih buruk lagi kalau tempat-tempat yang dikosongkan oleh umat Islam dikuasai oleh pihak lain. Apa yang penting ialah adanya kesedaran untuk mengubah keadaan dan ia boleh dilakukan secara *tadriji* sehingga tidak menjejaskan kestabilan ekonomi. Pengharaman riba itu sendiri semasa jahiliyah dahulu datangnya secara *tadriji* sebagaimana pengharaman ke atas arak.

Seperkara penting yang ditegaskan oleh Dr. Yusuf Qardawi jelas menampakkan penggunaan masalah serta melihat realiti kehidupan dan suasana sistem ekonomi semasa yang melingkungi kehidupan umat Islam masa kini. Keadaan sistem ekonomi yang mahu tidak mahu terdapat unsur halal dan haram ini sememangnya tidak diredhai Allah dan jiwa seorang muslim sendiri akan berada di dalam dilema. Tetapi ini tidak menolak peranan muslim di dalam aktiviti ekonomi untuk terus melibatkan diri secara aktif dan berusaha membaiki keadaan secara yang lebih

berhikmah. Jika muslim meninggalkan medan yang sedia ada, bukan saja pihak lain yang akan menguasai keadaan, malah perubahan juga tidak dapat dilakukan, kerana keinginan mengubah keadaan tidak datang dari dalam jiwa yang tidak merasa berkepentingan.

9.4 Dharuriyat al-khamsah

Merujuk kepada masalah al-dharuriyah²⁰ (مصالح الضرورية) yang lima telah menyenaraikan *hifz al-mal* merupakan salah satu *masalih al-dharuriyah* yang mesti diambil perhatian. Soal keutuhan dan kekukuhan ekonomi umat adalah merupakan salah satu faktor yang menjadi “survival” umat Islam. Di samping itu usaha-usaha *tahrib mal al-muslimin* (تهريب مال المسلمين) adalah usaha berterusan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak menyenangi ekonomi umat Islam menjadi kuat dan kukuh. Perkara ini mesti disedari oleh umat Islam sendiri.

Syarikat-syarikat besar yang aktiviti utamanya halal tidak sepatutnya ditinggalkan oleh umat Islam semata-mata kerana ada beberapa kegiatan yang tidak bertepatan dengan kehendak syarak, sedangkan pihak lain boleh menguasai segala kebaikan dan mendapat manfaat kekayaan dan penguasaan dengan menyertai syarikat tersebut. Sedangkan jika umat Islam melibatkan diri mereka dapat menyumbang pada aktiviti halal dimana ianya lebih besar dan utama. Ini dapat memberi manfaat yang besar kepada penyertaan umat dalam aktiviti ekonomi disamping dapat memperkukuhkan penglibatan dan ekonomi mereka di dalam syarikat-syarikat penting dan strategik. Fuqaha muktabar sendiri menerima realiti kewujudan syarikat bercampur sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini.

9.5 Dosa yang tidak berpindah

Syarikat-syarikat yang berbentuk *joint stock company* masa kini lebih bersifat syakhsiyah i'tibariyah (الشخصيه الاعتباريه) di mana kerja-kerja syarikat adalah dilakukan oleh pihak pengurusan syarikat. Atas sebab itulah Al-Khayyat (عبد العزيز الخياط) seorang fuqaha semasa menyatakan dosa melakukan muamalah riba jika berlaku pada syarikat masa kini adalah tanggungjawab pihak pengurusan. Ia tidak ada kena mengena dengan fungsi utama aktiviti syarikat yang halal. Allah s.w.t berfirman:

وَلَا تَكْسِبُ كُلُّ نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَىٰ

20

Bermaksud: “ Dan tidaklah seorang membuat dosa melainkan kemudharatannya kembali kepada dirinya sendiri; dan seseorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain.”²¹

9.6 Perubahan hukum kerana perubahan tabie manusia

Perubahan suasana dan tempat memberi kesan besar kepada perubahan hukum disepanjang masa. Ini adalah kerana Islam adalah agama yang bersifat sesuai untuk memenuhi keperluan manusia segenap masa dan tempat. Perubahan hukum ini perlu untuk memenuhi tujuan dan tuntutan hukum itu disyariatkan. Setiap hukum yang disyariatkan adalah mempunyai tujuannya yang tersendiri. Hukum adalah untuk mewujudkan keadilan, mendapatkan maslahat dan menghindarkan kerosakan. Selain masa dan tempat, perubahan hukum juga berkaitan dengan perubahan akhlak umat. Secara keseluruhan terdapat banyak hukum telah berubah kerana berubahnya masa dan suasana. Oleh itu kaedah fiqhiyah²² menyatakan:

لا يَنكُرُ تَغْيِيرَ الْأَحْكَامِ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ

Bermaksud: “ Tidak salal perubahan hukum disebabkan perubahan masa”.

Namun perubahan itu terhenti setakat hukum ijhtihad yang berkaitan dengan kias dan masalahh sebagaimana yang ditegaskan oleh fuqaha.

Hukum boleh berubah kerana apa yang disebut sebagai kurangnya wara’ dan lemahnya pematuhan terhadap suruhan agama secara menyeluruh. Ia disebut sebagai *fasad al-zaman* (فساد الزمان). Hukum juga boleh bertukar dengan berlakunya perubahan sistem ekonomi (*asalib iqtisadiyah*) (اساليب الاقتصادية) kerana jika hukum tidak berubah ia tidak dapat berjalan selaras dengan apa yang berjalan secara praktikalnya. Implikasi ini nanti menjadikan Syariah itu seolah-olah tiada makna dan sia-sia sedangkan menurut *al-Syatibi* tiada yang sia-sia di dalam Syariah (*la ‘abath fi al-Syariah*) (لا عبث في الشريعة).

²¹ Surah al-An’am, ayat 164

²²

Contoh popular yang sering disebut ialah seperti tugas mengajar agama, mengajar al-Quran dan seumpamanya adalah merupakan suatu kewajipan agama yang tidak perlu kepada pemberian upah. Oleh kerana itu ulama silam menghukum haram mengambil upah untuk tujuan mengajar al-Quran dan agama. Namun apabila zaman telah berubah kerja-kerja sedemikian, jika tiada diberi upah setimpal maka tiada siapa yang akan bertanggungjawab khusus menjalankan kerja-kerja mulia tiada siapa berminat untuk mendalami ilmu al-Quran dan agama. Maka ulama menghukum sesuai dengan perubahan masa dan suasana tentang perlunya ganjaran setimpal diberi bagi kerja-kerja mengajar agama dan al-Quran, upah boleh diambil dari kerja-kerja ini walaupun pada asalnya haram.²³

Tujuan ketetapan hukum yang berlainan sama sekali dari yang awal adalah supaya masalah agama akan terus kekal terpelihara. Sekiranya hukum tidak diselaraskan dengan perubahan masa dan suasana sudah pasti urusan pengajaran agama dan penyebarannya akan terabai sama sekali. Ini sudah pasti bertentangan dengan kehendak syarak sendiri yang mahukan usaha-usaha murni ini berterusan. Oleh itu mengekalkan hukum lama yang tiada masalah padanya bertentangan pula dengan syariat pada masa ini.

Dalam kes yang bersangkutan dengan syarikat bercampur dan pasaran saham umat Islam akan terus ketinggalan sekiranya mereka tidak menyertai sesuatu syarikat atas alasan syarikat berkenaan terdapat menjalankan sedikit aktiviti haram sedangkan ia bukan dengan kehendak dan keredhaannya. Sedangkan terdapat syarikat sedemikian yang bersifat strategik bagi kepentingan ekonomi umat dan negara.

Muka surat 5

Sistem ekonomi akan berjalan terus sedemikian sama ada mereka mahu atau tidak mahu. Persoalannya adakah selama-lamanya umat Islam akan menjadi pemerhati, sedangkan di sekeliling mereka masyarakat berlumba-lumba bersaing dalam segenap segi dan semakin kukuh. Ini menunjukkan amat tepat sekali jika perubahan sistem ekonomi dan suasana ekonomi masa kini memerlukan kepada pendekatan hukum yang berbeza. Ini kerana jika umat Islam terus terhalang dari menceburkan diri dalam syarikat sedemikian adalah sukar bagi umat Islam untuk bersaing.

23

Oleh yang demikian kaedah fiqh sebagaimana yang dikemukakan oleh Izzuddin Abd al-Salam dalam perkara yang bercampur kebaikan dari keburukan ialah:

إذا جمعت مصالح ومفاسد فانظر.....

Bermaksud: *“Apabila terdapat perkara kebaikan dan keburukan bercampur, maka perlu dilihat....*

Jika sekiranya perkara tersebut dilaksanakan harapan untuk memperolehi kebaikan lebih cerah dan keburukan dapat diatasi dan dihindari maka hendaklah diteruskan perkara itu. Ini mengambil kira perintah Allah:

فاتقوا الله ما استطعتم

Bermaksud: *“Maka bertakwalah kamu kepada Allah menurut kesanggupanmu”.*

-al-Taghabun:16

Sebaliknya, sekiranya keburukan tidak dapat diatasi dan kebaikan tidak dapat diperolehi disebabkan keburukan lebih besar berbanding kebaikan maka tidak meneruskan pelaksanaan perkara berkenaan adalah lebih baik kerana dengan itu keburukan dapat dihindari. Dalam konteks ini nyata sekali kebaikan adalah lebih besar.

10.0 Kadar peratus haram yang diterima

Untuk menerima syarikat yang bercampur, perlu digariskan kriteria tertentu dengan memastikan elemen haram sangat kecil dan berkaitan dengan perkara yang dimaafkan. Dengan erti kata kewujudan perkara haram yang kecil tidak menjejaskan perkara halal yang lebih utama dan besar.

Fuqaha silam yang muktabar tidak menggariskan berapakah kadar peratus aktiviti haram yang boleh diterima dan setakat mana hadnya dalam sesebuah syarikat bercampur. Ini merupakan ruang untuk fuqaha masa kini memikirkan tentang penentuan berapa peratuskah aktiviti haram dalam syarikat bercampur yang dimaafkan, lalu ia boleh dimasukkan ke dalam senarai sekuriti yang diluluskan mengikut Syariah.

MPS mempertimbangkan beberapa tanda aras sebagai kadar yang boleh dianggap sebagai *ihtiyat* (احتياط) yakni berhati-hati sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Subki di dalam *al-Asybah wa an-Nazo'ir* “menghukum haram perkara bercampur halal dan haram sebagai haram adalah satu *ihtiyat* bukan semestinya perkara tersebut haram adalah satu *ihtiyat* bukan semestinya perkara tersebut haram”. Ini mengambil kira unsur *maslahah* bagi umat Islam bagi pengeluaran utama syarikat, *'umumul balwa* (عموم البلوى), *uruf khas asalib iqtisodiyah* (عرف الخاص من الاقتصادية), *fasaduz zaman* (فساد الزمان) dan *huquq ghair muslimin* (حقوق غير المسلمين المعترف عند) yang diiktiraf Islam sebagai mal mereka. Beberapa fatwa yang menjadi pengecualian kepada kaedah *إذا اجتمع حلال وحرام غلب الحرام* juga perlu diperhatikan.

Sebagai contoh fatwa tentang bercampur sembelihan Muslim dan Majusi maka campuran tersebut dihukum haram keseluruhannya fatwa ini *ma'qul* (معقول) kerana zat benda yang bercampur itu haram. Manakala jika zat benda itu suatu yang tidak haram, tetapi haram dengan sebab lain, ia perlu ditangani secara berbeza. Sebagaimana pembahagian harta bercampur yang dinyatakan oleh Ibn Qayyim di dalam *Bada'ie al-fawa'id* (بداءع الفوائد) membahagikan harta haram kepada dua bahagian:

- i. haram dari segi zatnya seperti arak, khinzir dan sebagainya. Ini boleh disamakan dengan sembelihan tadi.
- ii. Haram disebabkan suatu perkara lain, seperti haram kerana hasil kerja bagi wang. Wang pada zatnya tidak haram, tetapi menjadi haram kerana perbuatan yang berkaitan dengannya seperti wang hasil curi, rompak, menipu dan sebagainya. Ini boleh disamakan dengan sekuriti syarikat bercampur, kerana sekuriti pada zatnya tidak haram. Ia haram kerana aktiviti syarikat yang menjadi hasil kepada sekuriti itu dalam bentuk dividend an sebagainya.

Pengecualian kepada kaaedah *إذا اجتمع حلال وحرام غلب الحرام* misalnya fatwa mengenai kain sutera bercampur benang biasa. Kain sutera haram dipakai oleh lelaki sebagaimana hadith Rasulullah s.a.w:

Bermaksud: “Rasulullah s.a.w mengambil sutera, ia meletakkan di sebelah kanannya, dan ia mengambil emas kemudian kemudian diletakkan disebelah kirinya, lantas Baginda bersabda:

Kedua-dua barang ini haram bagi orang lelaki di kalangan umatku dan halal bagi perempuannya.”

-Hadis diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud, Nasaie dan Ibn Majah.

Namun ia boleh dipakai (halal) oleh lelaki jika kain sutera bercampur dengan benang biasa dan kadar benang sutera lebih kurang berbanding kadar benang biasa, begitu juga jika sama banyak kadarnya atau 50%. Jika kadar sutera melebihi kadar benang biasa ia adalah haram bagi lelaki memakainya.

Tanda aras mengenai percampuran perkara halal dan haram untuk lelaki disini adalah 50%. Dengan kata lain jika percampuran itu tidak melebihi 50% kain tersebut masih diharuskan untuk kaum lelaki memakainya. Persoalannya sama ada tanda aras ini sesuai untuk diaplikasikan mengenai sekuriti yang bercampur. Dari sudut sifat harta, ia adalah selaras, kerana kedua-duanya merupakan harta yang tidak haram pada zatnya. Tidak hairanlah terdapat dikalangan pengurus dana Timur Tengah menggunakan tanda arasa ini secara meluas. Namun MPS berpendapat kadar peratus tersebut terlalu besar.

11.0 Isyarat Rasulullah tentang kadar 1/3 atau 33.33% kuantiti yang cukup besar

Isyarat Rasulullah SAW yang menyatakan 1/3 adalah had yang sudah cukup banyak juga boleh dipertimbangkan sebagai tanda aras. Kenyataan tersebut dapat dilihat dalam perkara wasiat Sa'ad Ibn Abi Waqas untuk mendedekahkan hartanya seperti dalam hadith berikut:

Bermaksud: “*Suatu hari Rasulullah SAW menziarahi Sa'ad Bin Abi Waqas yang sedang sakit, Sa'ad menyatakan kepada Rasulullah SAW bahawa dia merasakan sakitnya telah sampai ke penghujungnya dan saat kematian telah hampir, dia meminta pendapat dari Rasulullah SAW untuk mendedekahkan hartanya kerana pewaris hartanya hanya seorang anak perempuan, jadi dia mahu mendedekahkan 2/3 daripada hartanya. Namun Rasulullah SAW menegahnya. Kemudian Sa'ad mahu mendedekahkan 1/2 hartanya. Namun Rasulullah SAW masih menegahnya. Kemudian Rasulullah bersabda: 1/3 sudah memadai itu pun terlalu banyak, sesungguhnya engkau meninggalkan warismu dalam keadaan kaya (berharta)*

lebih baik dari meninggalkannya dalam keadaan hina dan meminta-minta belas kasihan orang ramai.”

-Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim

Berdasarkan kepada kenyataan Rasulullah SAW tentang kadar **1/3 atau 33.33% sudah cukup banyak** ia boleh dijadikan panduan sebagai tanda aras. Persoalannya apakah tanda aras ini sesuai untuk dijadikan tanda aras perkara haram bagi syarikat bercampur, kerana ia berkaitan dengan soal wasiat harta dan sedekah harta. **Namun tidak dapat disangkal ia boleh dijadikan satu tanda aras bagi jumlah yang tidak keterlaluan.**

Ini bermakna tanda aras ini dapat digunakan jika digabungkan dengan prinsip *ihhtiyat* (احتياط) mengambil kira factor-faktor masalah umat Islam, umum balwa, hak-hak orang Islam yang diiktiraf, *fasaduzzaman*, *uruf* dan *asalib iqtisadiyah*.

12.0 Tanda aras lain yang menunjukkan unsur haram minima dimaafkan ialah seperti kadar tanda aras *ghibnul fahisy* (غبن الفاحش)

12.1 Tanda aras berasaskan teori *ghibnul fahisy*

Perbuatan *tanajusy* (التناجش) atau manipulasi jika disertai unsur *ghibnul fahisy* boleh memberi hak kepada pembeli membatalkan kontrak menurut jumah fukaha' Maliki, Syafie dan Hambali. Ini menunjukkan *ghibnul fahisy* dengan wujudnya unsur *tanajusy* adalah haram. Namun jika dibawah tanda aras ia adalah dimaafkan.

Tanda aras yang digariskan oleh fuqaha' Hanafi tentang had tertinggi *ghibn fahisy* ialah seperti berikut:-

- a. 5% bagi barangan biasa
- b. 10% bagi binatang termasuk tunggangan /kenderaan
- c. 20% bagi aset tetap

Mungkin tanda aras ini boleh dijadikan pertimbangan untuk had tertinggi perkara haram bercampur yang boleh dimaafkan.

12.0 Penetapan tanda aras:

Setelah membuat penelitian sekian lama dan perbincangan yang panjang MPS membuat ketetapan tanda aras seperti berikut:

i. Bagi percampuran atas faktor ‘*umum balwa*’, hak-hak orang bukan Islam yang diiktiraf, *fasaduzzaman*, *uruf* dan *asalib iqtisodiah* tanda aras yang ditetapkan adalah 5%. Ini bermakna jika terdapat unsur-unsur percampuran didalam aktiviti syarikat mengenai perkara tersebut jumlah unsur haram yang dibenarkan adalah setakat 5% sahaja. Jumlah ini dianggap terlalu kecil jika dibandingkan dengan aktiviti utama syarikat yang halal. Ini adalah munasabah bagi suatu aktiviti yang bukan utama. Sebagai langkah ihtiyat MPS akan melihat ini secara berbanding dengan pendapatan perolehan atau keuntungan sebelum cukai yang mana lebih tinggi. Dalam mesyuarat menganalisa sesuatu syarikat, MPS akan melihat hasil analisa Unit Pasaran Modal Islam terhadap peratus sumbangan elemen haram kepada syarikat dengan merujuk kepada dua keputusan analisa. **Pertama** dengan membandingkan perolehan aktiviti haram dengan perolehan kumpulan. **Kedua** dengan membandingkan keuntungan aktiviti haram dengan keuntungan sebelum cukai kumpulan. Jika sesebuah syarikat selepas dianalisa peratus haramnya melebihi tanda aras bagi mana-mana antara dua pendekatan tersebut ia akan dikeluarkan dari senarai.

-Sebab kadar tanda aras 5% digunapakai

Tanda aras 5% diambil dalam kes ini, kerana ia dianggap tanda aras terkecil dari beberapa tanda aras yang telah dibincangkan sebelum ini. Ia adalah tanda aras jumlah ghibn fahisy yang dimaafkan bagi kes barangan biasa. Oleh kerana factor ‘*umum balwa*’, hak-hak orang bukan Islam yang diiktiraf, *fasaduzzaman*, *uruf* dan *asalib iqtisodiah* adalah factor-faktor yang diharuskan wujud, ia hendaklah diharuskan dengan jumlah yang terkecil.

ii. Kadar tanda aras 25% bagi faktor imej

Oleh kerana imej adalah factor yang bukan kuantitatif, MPS memutuskan meletakkan satu tanda aras yang wajar bagi memudahkan analisa terhadap aktiviti syarikat. Imej biasanya merujuk kepada aktiviti seperti hotel dan resort, pub dan sebagainya. Aktiviti hotel dan resort pada amnya pada amnya tidak bersalahan dengan Syariah kerana ia menyediakan penginapan, kemudahan persidangan, aktiviti pelancongan dan sebagainya. Namun hotel dan resort berkait rapat aktiviti disko, minuman keras, judi, perkhidmatan urut yang dijalankan oleh perempuan bagi pengunjung lelaki dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti tersebut bertentangan dengan Syariah. Oleh sebab itu MPS memutuskan mengenakan tanda aras 25% bagi aktiviti seperti hotel dan resort dan tanda aras 5% bagi elemen haram seperti minuman keras dan sebagainya yang terdapat didalam syarikat berkenaan, mengikut mana yang lebih tinggi. Jika aktiviti sampingan sebuah syarikat adalah hotel, analisa akan dibuat berapakah sumbangan hotel terhadap perolehan dan pendapatan

sebelum cukai, jika sumbangannya kurang daripada 25% akan dilihat puka sumbangan jualan arak dalam aktiviti hotel. Sekiranya jualan arak melebihi 5% syarikat itu akan dikeluarkan. Begitu juga sebaliknya jika sumbangan arak kurang dari 5% tetapi sumbangan hotel melebihi 25% syarikat itu akan dikeluarkan dari senarai.

-Sebab kadar tanda aras 25% digunapakai

Kadar 25% digunapakai kerana ia adalah merupakan separuh daripada pengecualian kaedah *إدا الحرام غلب الحلال* dalam kes fatwa bercampur benang sutera dan benang biasa yang dibenarkan tidak melebihi 50%. Disamping itu kadar 25% tidak melebihi isyarat Rasulullah SAW tentang perkara yang sudah cukup banyak iaitu kadar 1/3 atau 33.33%. Ini adalah pendekatan ihtiyat yang diambil oleh MPS dalam keputusan-keputusannya.

14.0 Isu-isu syarikat bercampur:

Terdapat pihak yang mempertikaikan kenapa syarikat bercampur dimasukkan di dalam senarai sekuriti yang diluluskan mengikut prinsip Syariah sedangkan ia bertentangan dengan kaedah: *إدا الحرام غلب الحلال* di mana syarikat ini sepatutnya tidak dimasukkan sama sekali. Namun perlu difahami bahawa disamping kuatnya hujah masalah umat Islam, ‘umum balwa’, hak-hak orang bukan Islam yang diiktiraf, fasaduzzaman, uruf dan asalib iqtisodiah yang membolehkan syarikat ini dimasukkan, kaedah ini sendiri terbentuk dari hadir yang tiada diketahui asalnya (). Walaupun kita tidak menafikan terdapat kebenaran kaedah ini dalam kes-kes tertentu seperti fatwa percampuran sembelihan Muslim dan Majusi tentang haramnya kesemua sembelihan itu. Ini selaras sebagaimana yang ditegaskan oleh as-suyuti kaedah ini betul menurut prinsip am syarak. Oleh kerana itu pengecualian kepada kaedah tersebut perlu diambil kira dan diberi perhatian supaya tidak menyempitkan umat Islam di dalam aktiviti ekonomi mereka.

Tentang sumber kaedah ini yang tiada diketahui asalnya, as-suyuti telah menyatakan didalam Asybah. Beliau telah menukulkan perbahasan ulamak tentang status hadis yang menjadi sumber kepada kaedah ini sebagai berikut:

Kaedah ini digariskan berdasarkan hadith Nabi SAW:

ما اجتمع الحلال والحرام إلا غلب الحرام الحلال

Namun terdapat perbahasan ulamak mengenai status hadis ini. Menurut al-Hafiz Abu al-Fadl al-‘Iraqi () hadis ini tidak diketui asalnya. Menurut al-Subki di dalam al-Asybah wa al-Nazo’ir di naqal dari al-Baihaqi: Hadith tersebut diriwayatkan oleh Jabir al-

Ja'fariy () seorang yang bertaraf lemah meriwayat daripad al-Sya'biy () daripad Ibn Mas'ud dalam bentuk munqati'.

15.0 Kaedah berlawanan dengan kaedah: اذا اجتمع الحلال والحرام غلب الحرام

Terdapat kaedah berlawanan bagi kaedah tersebut yang disebutkan di dalam Asybah diakhir perbincangan kaedah اذا اجتمع الحلال والحرام غلب الحرام kaedah tersebut adalah:

الحرام لا يحرم الحلال

Kaedah ini terbentuk berdasarkan hadis yang warid yang terdapat di dalam Sunan Ibn Majah dan al-Dar Qutniy yang diriwayatkan dari Ibn Omar. Jika kaedah ini diaplikasikan mengenai syarikat bercampur, sebenarnya ia tidak akan menimbulkan polimik lagi kerana tidak perlu melihat kepada faktor-faktor masalah umat Islam, *umum bahwa, hak-hak orang bukan Islam yang diiktiraf, fasaduz zaman, uruf dan asalib iqtisodiah* sekuriti syarikat berkenaan harus dibeli oleh umat Islam kerana ia selaras dengan kaedah ini.

iii. Penutup

Kajian mendalam telah dibuat sebelum criteria terbentuk bagi digunakan untuk menganalisa sekuriti-sekuriti tersenarai di BSKL. Diharap dengan pendedahan ini tidak timbul kekhuatiran untuk menerima senarai sekuriti yang diluluskan mengikut prinsip Syariah yang dikeluarkan oleh SC. Semua pihak perlu sedar pembangunan dan perkembangan pasaran modal Islam adalah berdasarkan pendekatan sederhana serta suatu yang difikirkan boleh untuk dilaksanakan di dalam perlaksanaan dwi sistem kewangan iaitu Islam dan konvensional di negara ini.

Wallahu 'alam.